

Buletin FKA

PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

EDISI 2022



جامعة ملایا اسلامیة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

Diterbitkan pada 15 Oktober 2023



“Amalan 8R Dan Kitar Semula Minyak Masak Terpakai”

Oleh: Nuraini Tutur, Nurhidayati Mat Daud

Program live webinar anjuran Unit Kebajikan, Sukan dan Khidmat Masyarakat, Pengajian Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Pulau Pinang (PKA), Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Komuniti, dan Alumni, UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai, dan Arus Oil Sdn Bhd telah membawakan tajuk “Amalan 8R Dan Kitar Semula Minyak Masak Terpakai” dengan menjemput dua orang panel, Dr. Chatichai Chong yang merupakan Chief Marketing Officer Arus Oil dan Puan Nur Shafieza Azizan, Pensyarah Kanan, Pengajian Kejuruteraan Awam Pulau . Program yang diadakan pada 25 Ogos 2022 ini telah bersiaran secara langsung di laman Facebook Pengajian Kejuruteraan Awam-UiTM Caw. Pulau Pinang dan telah ditonton oleh seramai 452 orang penonton ketika program berlangsung.


Webinar dimulakan dengan perkongsian daripada Puan Shafieza yang berkongsi kepentingan amalan 8R. Puan Shafieza memaklumkan hampir 80% sampah yang dihasilkan boleh dikitar semula dengan pelbagai cara. Puan Shafieza juga menekankan bahawa minyak masak terpakai tidak boleh dibuang ke sinki, dituang di longkang atau dicampak ke tanah sebagaimana yang dilakukan oleh segelintir pengguna kerana ia akan merosakkan ekosistem, pencemaran sungai dan membuatkan paip, longkang dan parit tersumbat dan kotor.

Perkongsian diteruskan dengan slot Dr. Chatichai Chong yang menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan minyak masak terpakai. Minyak masak terpakai adalah minyak masak yang telah digunakan untuk menggoreng dan telah mencapai ‘smoking point’. Minyak masak ini perlu dibuang dan seharusnya ditukar dengan minyak yang baru.

Di akhir sesi perkongsian, kedua-dua panel juga sangat menggalakkan para pengguna untuk mengitar semula minyak masak terpakai kerana ianya dapat menjaga alam sekitar, menghasilkan produk lain seperti sabun, lilin, pelita dan menjana pendapatan.



The students are focusing on the lecture being delivered



A cheerful and enthusiastic face



Bersama wakil daripada MBSP, ARUS OIL, PJI UiTMCP dan AJK terlibat